

# Penyerahan Sijil Masyarakat Berjasa

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

**KUALA BELAIT**, Khamis, 19 Disember. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Cawangan Operasi B, Daerah Belait baru-baru ini menyerahkan Sijil Masyarakat Berjasa kepada

kakitangan Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (SMPJNPBAB), Kuala Belait dan pekerja dari Syarikat Functional Engineering Sdn Bhd, yang mana berjaya



**PENGUSAHA** Kanan Muhd. Shahreeni bin Haji Mohd Yussof (kanan) menyampaikan Sijil Masyarakat Berjasa kepada Penjaga Makmal SMPJNPBA, Mohamad Rozizam bin Mohd Maslin.

memadamkan kebakaran beberapa buah dokumen di sebuah bilik stor pada 11 Disember jam 2.33 petang.

Tindakan pantas dari kedua pekerja dan kakitangan sekolah tersebut telah berjaya memadamkan kebakaran kecil yang berpunca daripada api kebakaran elektrik (penghawa dingin). Mereka bertindak memadam dengan menggunakan dua biji alat pemadam api jenis Carbon Dioxide dan sebiji Debu Kering dan seterusnya menghubungi talian 995 bagi tindakan selanjutnya.

Pekerja tersebut ialah Mohamad Rozizam bin Mohd Maslin, warganegara Brunei, merupakan penjaga makmal SMPJNPBA bersama Md Shamsulnizam bin Haji Abd Latif dan Mohd Hirman Azri Bin Zulkernain, kedua-duanya warganegara Brunei serta merupakan pekerja Syarikat Functional Engineering Sdn Bhd.

Hadir pada penyerahan sijil tersebut ialah Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi B, Penguasa Kanan Muhd Shahreeni bin Haji Mohd Yussof, Timbalan Pengetua Akademik SMPJNPBAB, Gudaihenah binti Yadai, Timbalan Pengetua Pentadbiran SMPJNPBAB, Timbalan Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi B, Pemangku Stesen Komander Balai Bomba Kuala Belait, dan Unit Perhubungan Awam, Cawangan



**PEGAWAI** Pemerintah Cawangan Operasi B, Penguasa Kanan Muhd. Shahreeni bin Haji Mohd Yussof (kanan) dan Timbalan Pengetua Akademik Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (SMPJNPBAB), Gudaihenah binti Yadai semasa hadir pada Majlis Menyerahkan Sijil Masyarakat Berjasa kepada kakitangan SMPJNPBAB, Kuala Belait dan pekerja dari Syarikat Functional Engineering Sdn Bhd.

Operasi B, Daerah Belait.

Dalam pada itu, JBP ada menyediakan program-program keselamatan seperti Kursus Fire Marshal dan Taklimat Life Saver 995 bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api khusus bagi jabatan kerajaan, syarikat swasta, sekolah-sekolah dan penduduk kampung di negara ini.

JBP menasihatkan agar sentiasa memastikan setiap pemakaian elektrik tidak mencapai tahap lebih bebanan (*overload*), memastikan menutup suis (*switch off*) mana-mana peralatan elektrik

selepas menggunakannya atau meninggalkannya dalam masa yang lama, memastikan pendawaian dalam keadaan baik serta membuat pemeriksaan dengan menggunakan syarikat yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan pastikan bangunan dilengkapi dengan peralatan-peralatan keselamatan seperti alat pemadam api, selimut api (*fire blanket*) atau pun smoke detectors / alat pengesan asap (*battery operated*).

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang awam hendaklah berhubung terus ke JBP melalui talian kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

# UNISSA anjurkan Program Minal Jami'ah Ilal Masjid

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Disember. - Masjid adalah salah sebuah institusi ibadah yang penting dalam pembangunan masyarakat Islam. Masjid berfungsi sebagai pusat komuniti yang menyatukan setiap lapisan masyarakat melalui aktiviti keagamaan, ilmiah, pembentukan akhlak dan sebagai pusat kegiatan yang bermanfaat dan menyumbang kepada pembangunan Ummah. Oleh itu, adalah penting bagi belia untuk turut menyumbang kepada usaha mengimarahkan masjid.

Ke arah tujuan ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Unit Kebajikan dan

Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah menganjurkan Program Minal Jami'ah Ilal Masjid bertempat di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah sebagai wadah bagi pelajar UNISSA untuk membina ukhuwah di antara pelajar dan masyarakat dan seterusnya sama-sama bergiat aktif di masjid.

Program ini juga merupakan salah satu acara dan aktiviti bagi Day of Action 2019 sempena sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2019.

Seramai 38 orang pelajar UNISSA dan 21 orang peserta

kanak-kanak dan belia menjayakan program tersebut yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

Di antara pengisian program yang berformat *day camp* atau perkhemahan sehari di masjid itu ialah kempen kebersihan masjid dan kawasan sekitarnya, sembahyang berjemaah, aktiviti kepimpinan, pertandingan dan persembahan sketsa Islamik, perlumbaan *Amazing Race* yang menguji pengetahuan peserta mengenai pergerakan dan bacaan sembahyang, wuduk, sejarah Islam dan sirah nabi serta hafazan surah dan doa.

Satu tazkirah turut disampaikan oleh Penolong Pensyarah Fakulti Bahasa Arab, UNISSA, Dr. Haji Ahmad Asri Lubis bertajuk 'Istighfar Aset Kekayaan Mukmin' menekankan kepentingan bagi belia untuk mempunyai nilai-nilai murni sebagai belia mukmin yang produktif melalui penggunaan kalimah istighfar dalam kehidupan seharian.

Program ini dihasratkan untuk diteruskan di masjid-masjid yang lain dengan menampilkan pengisian yang berbeza yang bersesuaian dengan kumpulan sasaran di dalam masyarakat.

**PROGRAM** Minal Jami'ah Ilal Masjid juga disertai oleh peserta kanak-kanak dan belia iaitu sebagai wadah membina ukhuwah di antara pelajar dan masyarakat (kiri).



**PEGAWAI** Hal Ehwal Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah, Awang Sh'minan bin Awg Hj Sulaiman dan EXCO Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan, Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Abdul Rahim bin Haji Md Arsat hadir pada Program Minal Jami'ah Ilal Masjid (atas). Sementara gambar bawah, Mahasiswa UNISSA bergotong-royong membersihkan Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah.

